

Suntu Kajian Perhubungan /ontadbiran Antara Kerajaan
Bumi Dan Kerajaan-Kerajaan Negeri

Uich:

000224

RESEARCH UNIT FOR POLITICAL SCIENCE

Kertas Projek Ini Di Tulis Sebagai Memenuhi Sebahagian
Dari Keperluan Untuk Pengamperahan Ijazah Sarjana
Mula Undang-Undang (M.S) Oleh Fakulti
Undang-Undang, Universiti Malaya.

Fakulti Undang-Undang
Universiti Malaya


September 1970.

PERAKUAN KEIZINAN

Dalam mengemukakan Kertas Projek ini bagi memenuhi sebahagian dari kehendak-kehendak Peraturan untuk mendapat ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya, saya yang bertandatangan di bawah, dengan ini mengesahkan bahawa saya telah bersetuju supaya perpustakaan-perpustakaan di Universiti Malaya memberi kebenaran dengan bebasnya kepada sesiapa yang hendak membuat rujukkan dan kajian ataupun untuk rujukkan dan kajian terhad. Seterusnya, saya juga bersetuju bahawasanya kebenaran untuk menyalin, memadan, menyedut atau menggunakan bahan-bahan kajian dalam Kertas Projek ini untuk maksud-maksud akademik bolehlah dibenarkan oleh Dekan, Fakulti Undang-Undang mengikut budibicaranya. Adalah difahamkan bahawa penyalinan atau pencetakan Kertas Projek ini dalam apajua bentuk sekalipun untuk maksud-maksud keuntungan tidaklah dibenarkan, melainkan dengan kebenaran bertulis dari saya.

Fakulti Undang-Undang
Universiti Malaya.

September 1976.


.....
(MUSAAD IDEES BIN MUHAMMAD RAHEE)

PENGHARGAAN

Kepada mereka-mereka yang berikut ini sukacita saya menyatakan rasa penghargaan. Mereka-mereka ini adalah semada telah memberikan nasihat, kerjasama samaan temuduga ataupun dengan lain-lain cara turut menjayakan Kertas Projek ini.

1. Encik Azmi Abdul Khalid - Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
2. Professor M.P. Jain - Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
3. Encik P. Balas - Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
4. Cik Manjeet Kaur - Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.
5. Y.H. Raja Effendi - Jabatan Perdana Menteri.
6. Encik Zasseri - Jabatan Perdana Menteri.
7. Encik Wan Mahiyuddin - Jabatan Perdana Menteri.
8. Datuk Yahya Pa'Man Teh - Penasihat Undang-undang, Selangor.
9. Encik Abd. Munir - Pejabat Setiausaha, Kerajaan Selangor.
10. Encik Abd. Kadir - Pejabat Setiausaha, Kerajaan Selangor.
11. Encik Sulaiman Don - Pejabat Setiausaha, Kerajaan Selangor.
12. Pegawai-pegawai Bahagian Kewangan - Pejabat Setiausaha, Kerajaan Selangor.
13. Encik Abd. Wahid Selamat - Pendaftar, INTAN

14. Encik Mohd. Yusoff Abdullah - Perbendaharaan Malaysia.
15. Encik Zainuddin - Jabatan Akauntan Negara.
16. Encik Salim Haji Ahmad - Jabatan Akauntan Negara.
17. Setiansaha, Jawatankuasa - Pejabat Setiansaha Kerajaan
Kecamatan Selangor Selangor.
18. Timbalan Pengarah (Perkhidmatan) - Jabatan Perkhidmatan Awam.
19. Encik Abu Hussain - Perpustakaan Universiti Malaya.
20. Tunika Noraidah - Perpustakaan Universiti Malaya.
21. Puan Shaikha Zakaria - Perpustakaan Universiti Malaya.
22. Encik Sivasegny - Perpustakaan, Jabatan Peguam Negara.
23. Encik Abdul Malik Haji Ahmad - Jabatan Peguam Negara.
24. Cik Henisah bt. Dol - Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

Mohd. Ideres b. Mohd. Rasee

PENDAHULUAN

Negara Malaysia adalah terdiri dari tiga belas Negeri-negeri Bahagian. Diperingkat negeri, Negeri-negeri adalah ditadbir oleh Kerajaan Negeri, sementara diperingkat kebangsaan, Kerajaan Pusatlah yang bertanggungjawab dalam pentadbiran. Kenyataan dua buah kerajaan tentulah menimbulkan kerumitan-kerumitan dan masalah-masalah yang tersendiri dan tentulah sahaja kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat akan dapat dicapai dengan lebih sempurna jika ada muafakat yang bulat antara kedua-dua buah kerajaan: "Bulat air kerana pembetong, bulat manusia kerana muafakat." Sebaliknya pula jika tiada muafakat antara Pusat dan Negeri-negeri maka rancangan pembangunan tiada dapat berjalan lancar, contohnya ialah Negeri Kelantan sebelum ujanya Kerajaan Campuran.

Dengan tujuan untuk mengetahui titik persamaan dan persefahaman antara Pusat dan Negeri-negerilah Kertas Projek ini ditulis. Ia juga mungkin dapat diertikan sebagai keghairahan generasi muda untuk mengetahui bagaimana Negara mereka ditadbirkan.

Walaupun Kertas Projek ini cuba meneroka bidang yang masih lagi tertinggal, tetapi amada dalam penerokaannya ia berjaya untuk mengisi kekosongan dalam Lapangan Hubungan Pentadbiran Pusat-Negeri atau tiada, tiadalah rasanya saya berhak untuk menyatakannya.

Guna diharap agar kesucialannya sedikit sebanyak dapat memberikan
sumbangan dari segi akademik.

Saya begitu terhutang budi kepada Professor M.P. Jain
yang telah bermurah hati memberikan cadangan-cadangan yang mabona.
Jutuan terimakasih saya khasikan untuk Encik Asmi Khalid yang telah
sudi menjadi Supervisor saya. Walaupun dengan tunjuk ajar dan
bimbingan dari kedua-dua Professor M.P. Jain dan Encik Asmi Khalid
mungkin kesalahan masih juga didapati, kesalahan yang demikian
itu adalah kelemahan dan tanggungjawab saya sendiri.

Penghargaan istimewa saya utulatkan kepada Cik Hanisah
yang sudi menaip walaupun beliau terpaksa membuang banyak dari
masa istirahatnya.

Akhir kata semoga ia dapat menambahkan lagi bahan
penulisan undang-undang dalam Bahasa Ibunda yang kini sedang berker-
bang pesat. Kepada persuratan Bahasa Ibunda saya persembahkan
Kertas Projek ini.

Jam 2.00 pagi
Kolej Keempat
Universiti Malaya.

9hb September 1976.

KANDUNGAN

Halaman

PERCHILANGAN	ii
PENDAHULUAN	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI KES-KES	viii
SENARAI PERUNDANGAN	ix
SINGKATAN	xv
JADUAL I	39A
PENGESALAN	1
A. Methodoloji	3
B. Garis Panduan	4
C. Kandungan	6
D. Model	6
BAB I: FEDERALISM SECARA AM	8
BAB II: FEDERALISM DI MALAYSIA	17
BAB III: KAWALAN PUSAT TERHADAP PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI	34
A. Kuasa Pusat Atas Pertanian Dan Kehutanan	34
B. Kawalan Kewangan	38
C. Kawalan Ke Atas Tanah	46
D. Kawalan Ke Atas Kerajaan Tempatan	49
E. Kawalan Ke Atas Perkhidmatan Awam Negeri	51
F. Kawalan Melalui Pegawai-pegawai Perskutuan (Kawalan secara tidak langsung)	53
G. Kawalan Melalui Mesyuarat	60
H. Kawalan Melalui Politik	60
BAB IV: KERJASAMA ANTARA PUSAT DAN NEGERI-NEGERI	62
A. Senarai Bersama	63

B.	Latihan Pegawai-pegawai Kerajaan	65
C.	Tahung Belah Di Bazar Semula Negeri (State Reimbursable Fund)	66
D.	Najlis Raja-raja	69
E.	Mesyuarat Perdana Menteri - Menteri- menteri Besar	71
BAB V:	PURWAKILAN KUASA PEMERINTAH	77
BAB VI:	PERLANGGARAN OLEH PURWAKILAN ATAS PERKARA- PERKARA NEGERI	87
A.	Perisytiharan Eksekutif	87
B.	Pindaan Perlembagaan	97
C.	Persamaan Undang-undang	103
BAB VII:	KEUTAMAAN UNDANG-UNDANG BERSUKUTUAN	115
BAB VIII:	KEMAJIPAN NEGERI-NEGERI UNTUK MEMATUHI PERLEMBAGAAN DAN KEDAMPAHAN PARLIMEN BERHILAT UNDANG-UNDANG KENYATAAN PERLEMBAGAAN PERLEMBAGAAN DI BANGSA.	119
INDEX		124
LAMPIRAN I		128
BIBLIOGRAFI		129

SENARAI KES-KES

1. Aasa Singh v. Menteri Besar, State of Johore [1969] 2 M.L.J. 30
2. Chia Khin Sze v. Menteri Besar, State of Selangor
[1958] M.L.J. 105
3. City Council of George Town v. Government of the State of Penang
[1967] 1 M.L.J. 169.
4. Coolay v. Board of Wardens (1851) 12 How 298, 13L ed. 299.
5. Kerajaan Kelantan v. Kerajaan Malaysia [1963] M.L.J. 355 H.C.
6. Kerajaan Malaysia v. Kerajaan Kelantan [1968] 1 M.L.J. 129 F.C.
7. Stephen Kalong Ninokan v. Kerajaan Malaysia [1966] 2 M.L.J. 237
F.C.; [1968] 1 M.L.J. 110, F.C.; [1968] 2 M.L.J. 232 F.C.

SILABAI PERULANGAN

A. (a) Perundangan Pusat

1. Akta Darurat (Ferie sebagai Persekutuan dan Perlembagaan Sarawak) - Akta No. 68/66
2. Akta Kawalan Sewa - Akta No. 56/66
3. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (belum diluluskan)
4. Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Melayu - Akta No. 69/72
5. Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Mula - Akta No. 70/72
6. Akta Penderahan Duti Ekspor (Bijih Galim) - Akta No. 27/64
7. Akta Penderahan Hasil (Duti Ekspor Atas Bijih Besi) - Akta No. 27/62
8. Akta Pilihanraya Kerajaan Tempatan - Akta No. 11/60
9. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) A31, 1971
10. Akta Tanah (Kawasan-kawasan Penempatan Berumai-umai) - No. 13/60
11. Akta Rumah Negara - Akta No. 56/65
12. Perlembagaan Persekutuan

(b) Perundangan Kecil Pusat

1. P.U. (L.B.) 185, 30hb Julai 1960, is. 185/60
2. P.U. 399A/1966
3. P.U. 399B/1966
4. P.U. 165/1968
5. P.U. (S) 37/73

6. P.U. (B) 30/1973
7. P.U. (B) 39/1973
8. P.U. (B) 40/1973
9. P.U. (B) 41/1973
10. P.U. (B) 42/1973
11. P.U. (B) 43/1973
12. P.U. (B) 44/1973
13. P.U. (B) 45/1973
14. P.U. (B) 46/1973
15. P.U. (B) 47/1973
16. P.U. (B) 48/1973
17. P.U. (B) 49/1973
18. P.U. (B) 171/1973

D. (a) Perundangan Negara-negeri

Johor: Undang-undang Kerakyatan (Nationality, - Bil. 2/1952

Undang-undang Perbadanan Keseluruhan Negeri - Bil. 4/1968

Undang-undang Tabung Binasiswa Kerajaan Datuk Onn - Bil. 5/1963

Undang-undang Tabung Binasiswa Sultan Ibrahim - Bil. 1/1950

Undang-undang Tabung Binasiswa Sultan Ismail - Bil. 9/1967

Perlembagaan Johor (Cetakan Semula 1962) - Bil. 10/1964

Kedah: Enakmen Kerakyatan - Bil. 5/1371

Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri - Bil. 5/1965

Perlembagaan (Cetakan Semula 1962) C.S. 32/1959

Enakmen Tabung Biasiswa - Bil. 6/1958

Kelantan: Enakmen Kerakyatan - Bil. 2/1952

Enakmen Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri -
Bil. 10/1966

Enakmen Tabung Biasiswa Kecil Kelantan - Bil. 4/1961

Enakmen Tabung Biasiswa Pelajaran Tinggi (1) - Bil. 1/1950
(Kerajaan Kelantan)

Enakmen Tabung Biasiswa Zulkifli - Bil. 8/1960

Enakmen Yayasan Kelantan - Bil. 1/1974

Perlembagaan (Bahagian Pertama) (Cetakan Semula
1962) C.S. 15/1946

Perlembagaan (Bahagian Kedua) (Cetakan Semula 1962)
C.S. 195/1957

Melaka: Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri - Bil. 1/1971

Enakmen Tabung Biasiswa - Bil. 1/1950

Perlembagaan Melaka (Cetakan Semula 1962) P.C.S.
(M.S.) 687/1957

Negeri Sembilan: Enakmen Kerakyatan - Bil. 2/1952

Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri - Bil. 4/1969

Enakmen Tabung Biasiswa (Musan Melayu) Negeri
Sembilan - Bil. 1/1950

Enakmen Tabung Biasiswa Negeri Sembilan - Bil. 3/1949

Perlembagaan (Cetakan Semula 1962) C.S. 214/1959

Pahang: Enakmen Kerakyatan - Bil. 2/1952

Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang - Bil. 12/1965

Enakmen Tabung Binasiswa Negeri Pahang - Bil. 4/1949

Enakmen Tabung Binasiswa Sultan Abu Bakar - Bil. 6/1971

Perlembagaan (Cetakan Kedua 1962) C. 1. 146/1959

Perak: Enakmen Kerakyatan - Bil. 1/1952

Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak - Bil.
3/1967

Enakmen Tabung Binasiswa Perguruan Tinggi
Melayu Perak - Bil. 2/1949

Enakmen Tabung Binasiswa Melayut Perak (Jalan Melayu)
- Bil. 4/1951

Perlembagaan (Cetakan Kedua 1962) C. 1. Bil. 10/1968

Pulau Pinang: Enakmen Perbadanan Kemajuan Pulau Pinang - Bil. 10/1971

Enakmen Tabung Binasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang
- Bil. 10/1960

Enakmen Tabung Binasiswa Negeri Pulau Pinang - Bil.
2/1960

Perlembagaan (Cetakan Kedua) P. S. S. 886/1957

Perlis: Enakmen Kerakyatan - Bil. 2/1952

Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri - Bil. 6/1973

Enakmen Tabung Binasiswa Negeri Perlis - Bil. 2/1954

Enakmen Tabung Binasiswa Perguruan Melayut Perlis -
Bil. 13/1960

Enakmen Tabung Binasiswa (Jalan Melayut) Melayut Perlis
- Bil. 1/1954

Enakmen Tabung Bina Pelajaran Kebangsaan Melayut
Perlis - Bil. 13/1965

Perlembagaan Perlis (Cetakan Kedua 1962) L. 1. -
Bil. 4/1959

- Sabah: Enakmen Perbadanan Kemajuan Iktisad Sabah - Bil. 30/1971
 Enakmen Kerajaan Sabah - Bil. 8/1966
- Sarawak: Enakmen Pendidikan Bertujuan Ke 100 Masjid Tertinggi
 - Cap. 100
 Enakmen Perbadanan Kemajuan Kowasman - Cap. 35
- Serongganus: Enakmen Kerakyatan - Bil. 3/1952
 Enakmen Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri -
 Bil. 3/1965
 Perlembagaan (Gedaran Sembula 1962) (Subsidiari
 Pertama) C.S. 17/1948
 Perlembagaan (Gedaran Sembula 1962) (Subsidiari Kedua)
 C.S. 423/1959

B. (b) Perundangan Kecil Negeri-negeri

- Johor: P.U. 25/1966; 32/1966; 39/1966; 47/1966; 56/1966;
 71/1966 dan 74/1966
- Kedah: P.U. 6/1966; 14/1966; 23/1966; dan 23/1966
- Kelantan: P.U. 13/1966 dan 14/1966
- Melaka: P.U. 2/1966; 3/1966; 13/1966; 14/1966; 20/1966
 dan 31/1966
- Negeri Sembilan: P.U. 4/1966; 6/1966 dan 7/1966
- Pahang: P.U. 17/1966
- Perak: P.U. 2/1966; 5/1966; dan 71/1966
- Perlis: P.U. 8/1966; 21/1966 dan 26/1966
- Pulau Pinang: P.U. 11/1966; 48/1966; 49/1966; dan 50/1966
- Selangor: P.U. 26/1966 dan 37/1966
- Serongganus: P.U. 11/1966

C. Perwakilan Luar Negeri

Perwakilan Amerika Serikat

Perwakilan Australia

Perwakilan Kanada

Perwakilan India

Perwakilan Switzerland

SINGKATAN

- F.C. - Federal Court
- G.N. - General Notification
- H.C. - High Court
- I.C.L.Q. - International and Comparative Law Quarterly
- L.N. - Legal Notification
- M.L.J. - Malayan Law Journal
- M.L.R. - Malayan Law Review
- P.S. - Persekitanan Undang-undang
- U.M.L.R. - University of Malaya Law Review
- Y.L.J. - Yale Law Journal

PENGANTARAN

"Never was there a greater need than today for a study in depth of the centre-state administrative relationship, as much of the viability of the Indian democracy and federalism, and much of the well being of the people depend on a satisfactory discharge of administrative responsibility by the two levels of government."¹

- Professor M.P. Jain.

Petikan di atas yang dibuat oleh seorang sarjana yang kini menjadi seorang pensyarah di Fakulti Undang-Undang dengan jelasnyanya menerangkan tentang betapa pentingnya suatu kajian dibuat mengenai hubungan pentadbiran antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Maksudnya itu adalah menggambarkan keadaan yang wujud di India, namun kerana sedikit sebanyak Perlembagaan India memperlihatkan pengaruhnya² yang tersendiri di Malaysia, maka ia adalah juga terpakai disini. Selain dari itu bukanlah pula rahsia bahawa terdapat sedikit perasaan tidak puas hati dikalangan setengah-setengah pihak³ terhadap keserasian

¹Indian Federalism: A Background Paper dalam Constitutional Developments Since Independence, halaman 240 - 241.

²Umpamanya Perkara 80(4), (5) dan (6) mengenai perwakilan kuasa memerintah antara Pusat dan Negeri.

³Kenyataan akhbar oleh Datuk Patinggi A. Raiman Yaakub dalam Utusan Malaysia, 1hb Jun 1976, halaman satu. Ini hanyalah sebagai contoh sahaja.

hubungan pentadbiran antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

Tidak juga harus diingatkan bahawa hari demi hari tanggungjawab yang dipikul oleh kerajaan, samaada Pusat atau Negeri adalah semakin berat. Tidak pula keterlaluan kalau dikatakan disini bahawa Rancangan Malaysia Ketiga pasti tidak akan dapat mencapai matlamatnya tanpa kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Negeri dan penyelarasan pentadbiran semua jentera pentadbiran Kerajaan.

Keadaan sebelum wujudnya Kerajaan Campuran mungkin telah menyaksikan bahawa pihak Kerajaan Pusat telah menggagalkan ataupun cuba menyekat kegiatan kewangan Kerajaan Negeri dengan cara legal,⁴ begitu juga sebaliknya Kerajaan Negeri Kelantan cuba menggagalkan pembentukan Malaysia.⁵

Hari ini keadaan telah berubah, semua Negeri dalam Malaysia adalah di bawah parti siasah yang sama. Parti Berjaya sebaik-baik sahaja ia memenangi Pilihanraya di Sabah baru-baru ini telah berikrar untuk bekerjasama rapat dengan Pusat. Ikrar itu telah dilaksanakan apabila Datuk Harris Salleh bagi pihak Kerajaan Negeri Sabah dan Tengku Razali Hamzah bagi pihak Kerajaan Malaysia menandatangani Perjanjian yang memberikan konsesi minyak kepada Petronas (Petroleum Nasional) baru-baru ini. Tindakan suhibbah pihak Berjaya memudahkannya diterima jadi ahli Barisan Nasional. Akibatnya semua Negeri-negeri di Malaysia adalah dikuasai oleh Barisan Nasional.

⁴ Kes Kerajaan Malaysia v. Kerajaan Kelantan [1968] 1 M.L.J. 129 F.C., Lihat juga Pindaan Perlembagaan Act A31.

⁵ Kerajaan Kelantan v. Kerajaan Malaysia [1963] M.L.J. 355 H.C.

Memandangkan hakikat politik yang wujud hari ini, dapatlah difahami bahawa walaupun ada kolonggaran atau kelemahan dalam hubungan pentadbiran antara Pusat dan Negeri ia tidaklah akan diperbesar-besarkan⁶ malah ia akan diselesaikan melalui cara-cara yang extra legal.

Biarlah sekarang disentuh serba sedikit mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kertas Projek ini.

A. Methodoloji

Cara yang diikuti disini ialah dengan cara membaca di Perpustakaan dan juga terubung. Cara yang pertama ternyata sukar memberikan sumbangan yang bermakna kerana hampir-hampir tiada bahan bertulis mengonainya, ini menyebabkan banyak masa terbuang kerana membaca bahan-bahan bacaan dan juga membaca rencana-rencana yang pada mulanya diduga berkaitan tetapi kemudiannya ternyata

⁶ Barangkali kenyataan Datuk Patinggi itu hanya satu kecacuan, Op. cit., Nota 1.

tidak. Jadi ada tiadapun hanyulah petikan-petikan dari Perlembagaan yang dapat membantu disini.

Mengenai cara yang kedua pula ia ada kesukarannya yang tersendiri, iaitu kadang-kadang sekalipun perjanjian telah dibuat bersungguh-sungguh dengan pegawai tertentu namun bila tiba saatnya ia tidak dapat ditonui. Selain dari itu mengenai hal-hal yang bersangkutan dengan tanah kondisinya lebih menyedihkan lagi, ini kerana pegawai-pegawai Kerajaan adalah ditegah oleh Seksyen 19 Kanun Tanah Negara dari memberikan maklumat. Oleh yang demikian disini mungkin kita tiada akan mendapat gambaran yang cukup tepat dan jelas mengonainya. Walaupun pada umumnya kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan amatlah memberangsangkan sekali.

B. Garis Panduan

Perbincangan nanti adalah berdasarkan peruntukkan Perlembagaan Malaysia, Perkara 74 iaitu tentang pembahagian kuasa memerintah, kecuali kepada peruntukkan yang lain itu juga akan cuba dibincangkan. Perkara-perkara yang di dalam bidang kuasa Kerajaan Pusat adalah ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat⁷ iaitu Kerajaan Pusatlah yang mempunyai kuasa membuat undang-undang dan

⁷Perlembagaan Persekutuan, Jajual 9, Senarai 1.

untuk melaksanakan undang-undang itu. Peruntukan ini adalah berdasarkan syor-syor Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid) yang berbunyi:

"We... recommend ... that in future legislative power and executive responsibility should go together."⁸

Beterusnya Suruhanjaya itu menyatakan:

...we wish to emphasise that with regard to any [matters] which are in the Federal List not only should the Federal Parliament have the sole power to legislate but the Federal Government should also have the ultimate responsibility for determining policy and controlling administration."⁹

Perkara-perkara yang ditadbirkan oleh negeri-negeri pula ialah seperti yang tercatat dalam Senarai Dua (termasuk Senarai 11A), untuk perkara ini Suruhanjaya itu menyatakan¹⁰

"... similarly, with regard to any subject in the

⁸ Report of the Constitutional Commission, Pencetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1957, para 82, hal 34.

⁹ Ibid., n.s. 34 para 82.

¹⁰ Ibid., m.3. 34, para 82.

State List, in general the State Legislature should have the exclusive power to legislate and the State Government should have the exclusive responsibility for determining policy and controlling administration."

C. Kandungan

Adalah dirasakan monasabah jika Kertas Projek ini mengandungi perkara-perkara berikut iaitu Federalisma; Federalisma Di Malaysia; Kawalan Oleh Kerajaan Pusat Terhadap Kerajaan-kerajaan Negeri; Kerjasama Antara Kerajaan Pusat Dengan Kerajaan-kerajaan Negeri; Perwakilan Kuasa Menyerintah; Pelanggaran Oleh Parlimen To Atas urusan-perkara Negeri; Keutamaan Undang-undang Persekutuan; Kawajipan Negeri-negeri Untuk Membuat Perlembagaan Dan Kebolohun Parlimen Membuat Undang-undang Supaya Perlembagaan Dipatuhi dan Penutup.

D. Model

Kerana tiada satu seruan wang yang sanggup disumbangkan oleh pihak yang membiayai pengajian saya maka amat sukarlah saya hendak membuat kajian yang menyeluruh dan lengkap. Alhamdulillah dengan perih kesungguhan dan kesediaan dapat juga Kertas projek ini lahir, tetapi tidak melengkap semua Negeri yang menganggotai Persekutuan Malaysia malah hanya Negeri Selangor sahaja yang dapat dijadikan model disini. Ini tentunya sekali mengenai bab yang

berkaitan dengan kerjasama. Ini dapat dilakukan kerana belanja yang kena ditanggung untuk maksud-maksud mengadakan temuduga adalah menasabah. Walau bagaimanapun mengenai bab-bab tertentu yang akan dinyatakan kemudian apa yang ditulis ialah berdasarkan temuduga jadi tiada masalah samaada karyawan yang diberi itu representative atau tidak.